

**Agong Solat Jumaat Di Masjid Negara
Bernama
July 18, 2014**

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah hari ini berangkat menunaikan solat Jumaat di Masjid Negara, di sini.

Turut menyertai solat Jumaat yang diimamkan Imam Besar Masjid Negara, Tan Sri Syaikh Ismail Muhammad itu ialah Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, Panglima Angkatan Tentera Jen Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin dan Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar.

Tuanku Abdul Halim berserta lebih 10,000 jemaah turut mendengar khutbah khas bertajuk Pahlawan Negara: Negara Aman Tanah Air terpelihara sempena sambutan Hari Pahlawan 2014 yang disampaikan Ketua Pengarah Kor Agama Angkatan Tentera (Kagat), Mej Jen Datuk Kamaruddin Mamat.

Ketika menyampaikan khutbah itu, Kamaruddin turut mengajak rakyat Malaysia untuk berfikir dan menghayati kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka ke tangan Portugis pada 1511 yang berpunca daripada perpecahan dan pengkhianatan sesama sendiri.

"Mereka ini hilang jati diri, lemah iman serta sanggup bersekongkol dengan pihak musuh. Cuba kita bayangkan betapa deritanya mereka yang hidup semasa zaman penjajahan di tanah air kita ketika itu.

"Bukankah ketika itu bangsa kita ditindas, agama kita dihina dan maruah kita dicerca? Pernahkah kita menghitung dan mengenang berapa ramaikah nyawa pejuang kita yang telah gugur hanya semata-mata mahu membebaskan tanah air ini daripada penjajah?" katanya.

Kamaruddin berkata ratusan tahun kita dijajah hinggalah sinar kemerdekaan berjaya diperoleh pada 1957 dengan tiada langsung ruang pembelaan bagi bangsa dan agama ketika itu melainkan hanya penindasan.

"Inilah masanya untuk kita sedar, untuk kita ingat kerana jika kita lupa sejarah, tidak mustahil sejarah yang sama mungkin berulang kembali. Relakah kita dijajah semula?"

"Oleh itu, mimbar merayu kepada sidang jemaah dan umat Islam sekalian untuk terus berfikir secara matang, jadikanlah sejarah bangsa kita sebagai teladan, perkasakan lah perpaduan ummah melalui persaudaraan sesama Islam," katanya.

Beliau turut berpesan agar rakyat Malaysia meneruskan perjuangan yang telah ditinggalkan oleh datuk nenek moyang sebelum ini agar kesinambungan tersebut dapat menjamin keselamatan dan keamanan negara terus terpelihara.

Pada kesempatan sama, mimbar turut melahirkan rasa simpati dan dukacita di atas kemalangan udara yang menimpa pesawat penerbangan Malaysia Airlines MH17 yang berlepas dari Amsterdam ke Kuala Lumpur yang mengorbankan 298 penumpang dan anak kapal, pada Khamis malam.

"Mimbar juga mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa yang terlibat dan mengharapkan agar sentiasa bersabar menghadapi situasi ini dan semoga semua pihak tabah menerima ujian ini, serta memohon supaya semua rakyat Malaysia sama-sama berdoa agar negara kita sentiasa dilindungi daripada sebarang bentuk ancaman dan malapetaka," katanya.

Majlis tahlil dan doa ringkas turut diadakan selepas solat Jumaat tersebut.

Hari Pahlawan disambut pada 31 Julai setiap tahun bagi mengenang jasa pasukan keselamatan yang banyak berkorban untuk tanah air.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1054580>